

# LAMPIRAN

LAMPIRAN A

Soalan Kaji Selidik

SARJANA USULUDDIN  
JABATAN SEJARAH & TAMADUN ISLAM  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA

---

Daftar soalan berikut adalah untuk kajian disertasi Ijazah Tinggi Usuluddin yang bertajuk "Adat-Istiadat Masyarakat Jawa Dari Perspektif Islam: Suatu Kajian Di Daerah Batu Pahat, Johor".

Perhatian:

Sila tanda ( / ) di ruang jawapan yang disediakan pada soalan yang berbentuk pilihan jawapan dan juga tuliskan jawapan dengan ringkas dan padat pada soalan yang memerlukan jawapan bertulis. Anda dibenarkan memilih lebih daripada satu jawapan pada soalan-soalan tertentu.

Jawapan yang jujur dan benar adalah perlu untuk menghasilkan kesimpulan yang tepat dalam disertasi ini. Segala jawapan yang diberikan akan dirahsiakan identitinya. Terima kasih atas kerjasama yang diberikan.

Penyelia Disertasi:

Prof. Dr. Abdul Halim Bin Mat Diah

Disediakan Oleh:

Nazmah Binti Mustapha

No. Matriks: IGB00173

Ijazah Tinggi Usuluddin

Jab. Sejarah & Tamadun Islam

Universiti Malaya

Soalan A: PERKAHWINAN

1. Adakah anda memahami konsep perkahwinan menurut Islam?

- a)Faham ( )
- b)Kurang faham ( )
- c)Tidak faham ( )

2. Bagaimana pemilihan jodoh anda dilakukan?

- a)Pilihan keluarga ( )
- b)Pilihan sendiri ( )

3. Apakah ciri-ciri yang paling utama dalam memilih jodoh?

- a)Kecantikan paras rupa ( ) b)Harta ( )
- c)Keturunan ( ) c)Agama ( )

4. Adakah anda melihat atau bertemu pasangan anda sebelum bernikah?

- a)Ya ( )
- b)Tidak ( )

5. Sekiranya Ya, bagaimanakah pertemuan itu dilakukan?

- a)Bertemu sendiri ( )
- b)Pertemuan diatur oleh keluarga ( )

6. Adakah anda bertunang sebelum bernikah?

- a)Ya ( )
- b)Tidak ( )

7. Adakah majlis pertunangan anda dilangsungkan mengikut adat masyarakat anda?

- a)Ya ( )
- b)Tidak ( )

8. Nyatakan hadiah-hadiah yang diberikan dalam majlis pertunangan anda?

- a)Cincin ( ) b)Pakaian ( )
- c)Kain telekung ( ) d)Al-Quran ( )
- e)Kuih Muhi ( ) f)Payung ( )
- g)Lain-lain,nyatakan \_\_\_\_\_

9. Adakah hadiah pertunangan perlu dipulangkan sekiranya pertunangan diputuskan oleh pihak perempuan?

- a)Ya ( )
- b)Tidak ( )

10. Adakah perjanjian bertulis dibuat ketika majlis pertunangan anda?

- a)Ya ( )
- b)Tidak ( )

11. Adakah pasangan anda juga daripada keturunan Jawa?

- a)Ya ( )
- b)Tidak ( )

12. Adakah hari kenduri perkahwinan anda dipilih mengikut kalendar Jawa?

- a)Ya ( )
- b)Tidak ( )

13. Bagaimanakah cara pemberian duit hantaran perkahwinan anda?

- a)Ditetapkan oleh pihak perempuan ( )
- b)Terpulang kepada keikhlasan pihak lelaki ( )

14. Kebiasaan nilai hantaran yang diberikan oleh pihak lelaki kepada pengantin perempuan berdasarkan kepada.....?

- a)Kelulusan akademik ( )
- c)Keturunan ( )
- e) Merujuk kebiasaan setempat ( )
- b)Keperibadian ( )
- d)Kecantikan ( )

15. Apakah pakaian yang anda pakai dimajlis perkahwinan anda?

- a)Pakaian Songket ( )
- b)Busana Jawa ( )
- c)Pakaian moden ( )
- d)Pakaian yang menutup aurat ( )

16. Adakah perkahwinan anda dilakukan menurut adat istiadat tradisional Jawa?

- a)Ya ( )
- b)Tidak ( )

17. Adakah adat persandingan dilakukan dalam majlis perkahwinan anda?

- a)Ada (di hadapan umum) ( )
- b)Ada (di hadapan ahli keluarga sahaja) ( )
- c)Tiada ( )

18. Adakah upacara mandi bunga dilakukan sebelum majlis pernikahan?

- a)Ya ( )
- b)Tidak ( )

19. Nyatakan jenis hiburan yang terdapat dalam majlis perkahwinan anda?

- a)Muzik moden ( )
- b)Paluan kompong ( )
- c)Tarian tradisional Jawa ( )
- d)Tiada sebarang hiburan ( )

#### Soalan B: KELAHIRAN

1. Adakah anda mengikut segala pantang larang ketika hamil menurut kepercayaan adat?

- a)Ya ( )
- b)Sebahagian sahaja ( )
- c)Tidak ( )

2. Adakah anda mengadakan kenduri slametan mitoni?

- a)Ya ( )
- b)Tidak ( )

3. Adakah anda menghidangkan 7 jenis juadah hidangan ketika kenduri slametan mitoni?

- a) Ya ( )  
b) Tidak ( )

4. Adakah anda faham tentang konsep kelahiran menurut Islam?

- a) Ya ( )  
b) Tidak ( )

5. Adakah amalan berikut dilakukan oleh ahli keluarga anda ketika menyambut kelahiran?

- |                               | Ya   | Tidak |
|-------------------------------|------|-------|
| a) Mengucapkan tahniah        | ( )  | ( )   |
| b) menyerukan azan dan iqamah | ( )  | ( )   |
| c) melakukan tahnik           | ( ). | ( )   |
| e) Mencukur rambut            | ( )  | ( )   |
| f) Mengadakan aqiqah          | ( )  | ( )   |

6. Adakah pemberian nama ahli keluarga anda mengikut nama Jawa?

- a) Ya ( )  
b) Tidak ( )

7. Adakah upacara berkhatan ahli keluarga anda dilakukan mengikut upacara adat?

- a) Ya ( )  
b) Tidak ( )

8. Siapakah yang akan dipanggil untuk melaksanakan upacara berkhatan?

- a) Tok Modin ( )  
b) Pihak hospital ( )  
c) Lain-lain, nyatakan \_\_\_\_\_

#### Soalan C: KEMATIAN

1. Adakah anda mengucapkan takziah apabila berlaku kematian?

- a) Ya ( )  
b) Tidak ( )

2. Adakah anda menziarahi jenazah pada hari kematian?

- a) Ya ( )  
b) Ya, sekiranya tidak sibuk ( )  
c) Tidak ( )

3. Apakah kebiasaan yang diberikan oleh waris simati kepada orang-orang yang hadir menyembahyangkan jenazah?

- a) Wang ( ) b) Kain Batik ( )  
c) Pinggan ( ) d) Makanan ( )  
e) Lain-lain, nyatakan \_\_\_\_\_

4.Di manakah majlis kenduri arwah di kampung anda diadakan?

- a)Rumah si mati ( )  
b)Masjid atau surau ( )

5.Adakah anda faham tentang konsep berkabung menurut Islam?

- a)Faham ( )  
b)Kurang faham ( )  
c)Tidak faham ( )

6. Adakah berkabung dilaksanakan sekiranya berlaku kematian di kalangan ahli keluarga anda?

- a)Ya ( )  
b)Tidak ( ) -

#### Soalan D: ADAT-ISTIADAT TRADISIONAL JAWA

Soalan: **Adakah adat-adat tradisional berikut masih lagi diamalkan di tempat anda?**

#### 1.KELAHIRAN

YA TIDAK

- a)Slametan Mitoni ( ) ( )  
b)Lek-lekan (berjaga malam) sempena kelahiran bayi ( ) ( )  
c)Melaik-melaik (mengunjungi rumah bayi selama 7 hari atau sehingga tanggal pusat) ( ) ( )  
d)Slametan Puput Puser (tanggal pusat) ( ) ( )  
e)Upacara Tedhak Siten (turun tanah) ( ) ( )  
f)Slametan Jenang Abrit (memasak bubur merah ketika majlis berkhatan) ( ) ( )

#### 2.PERKAHWINAN

YA TIDAK

- a)Nontoni ( ) ( )  
b)Upacara Srah-Srahan (pemberian tanda pengikat) ( ) ( )  
c)Pasang Tarub ( ) ( )  
d)Pengantin dimandikan dengan air bunga kembang setaman ( ) ( )  
e)Malam Midodareni (pengantin lelaki dihantar ke rumah pengantin perempuan pada malam perkahwinan oleh ahli keluarganya) ( ) ( )  
f)Upacara memijak telur oleh pengantin lelaki ( ) ( ) -  
g)Ngunduh pengantin (kenduri besar-besaran di rumah pengantin lelaki) ( ) ( )

### **3.KEMATIAN**

	YA	TIDAK
a)Menabur beras kunyit ke atas keranda	(   )	(   )
b)Sedhekah Mendhak Kapingkalih (memperingati 2 tahun kematian)	(   )	(   )
c)Sedhekah Nyeru (Hari ke-1,000 kematian)	(   )	(   )
d)Sedhekah Ngesah (dibuat sekali sahaja apabila kematian anak kecil)	(   )	(   )
e)Sadranan (menziarahi makam arwah menjelang bulan puasa)	(   )	(   )

## LAMPIRAN B

### Lampiran B (i): Sejarah Pembukaan Bandar Penggaram Batu Pahat



Pada zaman dahulu, Batu Pahat dikenali sebagai Pulau Kundur dan Sungai Batu Pahat juga dikenali sebagai Sungai Kundur.

Ianya merupakan petempatan-petempatan kecil yang berasingan yang dibuka oleh orang-orang kenaman dan orang-orang besar seperti penghulu dan ketua-ketua kampung. Sebagai contohnya semasa pemerintahan Sultan Hussin di Singapura dan Johor, dua orang ketua dari orang-orang Melayu Daik, dan seorang lagi dari Simpang Kiri bernama Rapang dari keturunan Orang Besar Pahang telah mengadap Sultan Hussin. Mereka berdua telah diberi taraf penghulu oleh Sultan Hussin di tempat masing-masing pada tahun 1834.

Berikut dengan pembukaan petempatan-petempatan kecil ini, maka kawasan Batu Pahat ini telah bertambah maju dan meluas. Maka pada tahun 1885 beberapa orang keturunan Inggeris iaitu nama-namanya Stiple, Jackson dan Watt telah membuka sebuah ladang kopि di kaki Bukit Penggaram iaitu berhampiran dengan Pengkalan Jeram. Pemberong yang telah mengerjakan lading itu adalah seorang Cina bernama Lim Soo Poon telah menjadi seorang kaya (taukeh) dan ia telah dapat membuat empat pintu rumah batu berdekatan dengan Sungai Batu Pahat.

Usaha-usaha untuk membuka Bandar Batu Pahat semakin giat dijalankan pada tahun 1888 oleh Dato' Yahya bin Awaluddin yang juga dikenali sebagai Dato' Yahya Tinggi di suatu kawasan Bukit Senangan, Kampung Tambak, tebing kanan Sungai Batu Pahat. Tetapi usaha beliau menemui kegagalan kerana faktor geografi dan ekonomi yang tidak sesuai. Malah menurut kepercayaan orang tua yang ada di kawasan itu tidak boleh dijadikan bandar kerana akhirnya akan dimasuki "angin". Akhirnya tempat itu ditinggalkan begitu sahaja. Di tahun yang sama juga, seorang lagi pembesar yang bergelar Dato' Yahya Rendah cuba membuka Bandar di kawasan Senangan tetapi gagal juga kerana orang-orang tua pada masa itu menyatakan "nanti mulut terenggan".

Walaupun begitu, pembukaan petempatan-petempatan baru masih juga diteruskan. Pada tahun 1889 Orang Kaya Sidek bin Ismail telah membuka satu petempatan di seberang Kampung Minyak Beku yang berdekatan dengan Kampung Jakun dan kawasan ini dinamakan Benut Selamat. Tetapi tidak lama kemudian nama ini telah bertukar kepada Bagan. Ramai orang-orang yang tertarik ke tempat itu termasuk juga orang yang datang dari Pulau Jawa, Madura dan lain-lain pulau. Orang-orang Jawa yang diketuai oleh Haji Ibrahim telah membuka kebun-kebun kelapa dan kopি. Di antara orang-orang yang terkenal di kampung itu ialah seperti Pawang Abu, Haji Arshad (Orang Melaka) dan Mohamed Tab (Orang Muar).

Jadi sehinggahalah pada tahun 1893, barulah Dato' Bentara Luar iaitu Dato' Muhamad Salleh bin Perang berjaya memulakan usaha bagi membangunkan Bandar Batu Pahat di kawasan Simpang Kanan, kira-kira tujuh batu dari kuala sungai Batu Pahat.

Kemajuan Bandar Maherani yang telah dibuka pada tahun 1884, mencabar keupayaan penghulu-penghulu Batu Pahat bagi membuka sebuah Bandar. Tambahan pula memandangkan kemajuan yang pesat di kawasan sekitarnya seperti Serum, Bertam, Tebing Tinggi, Kampung Sejagong, Langkap, Chaaah dan lain-lain lagi, maka satu perjumpaan telah diadakan di Kuala Simpang, terdiri daripada orang-orang kaya, penghulu-penghulu, Menteri Penghulu dan Jenang-jenang (gelaran bagi ketua orang asli) yang dipengerusikan oleh Encik Abdul Hamid bin Ahmad Ketua Pengaman Batu Pahat. Keputusan mesyuarat tersebut telah melantik Penghulu Rahmat bin Ragam (Penghulu Simpang Kanan) dan Penghulu Kitam bin Mohd. Shah (Penghulu Simpang Kiri) mengadap Sultan Abu Bakar memohon Dato' Muhamad Salleh bin Perang



Duli Yang Maha Duli Almarhum  
Sultan Abu Bakar  
Beri Almarhum  
Temengong Seri Mahkamah Tun Ibrahim

membuka satu bandar untuk Batu Pahat. Mereka berkeyakinan Dato' Bentara Luar akan berjaya membuka sebuah lagi Bandar kali ini di Batu Pahat.

Pada 4hb. November 1893, Dato' Muhamad Salleh yang pada masa itu diam di Kampung Senangar, dipanggil ke Johor Bahru. Pada 11hb. November 1893, Sultan Abu Bakar telah bertitah kepada beliau:



Penghulu Rahmat bin Razam  
(Penghulu Mukim Sempang Saman)

**"Aku disusahkan oleh dua Penghulu Rahmat dan Kitam. Dua tiga kali berjumpa dengan aku minta engkau membuka Batu Pahat. Aku jawab dengan Rahmat dan Kitam, jangan engkau semuanya sumpah dan tidak ikut apa-apa perintah dia kelak. Dia jawab pada aku, tidak sekali-kali. Aku fikir bolehlah engkau buka Batu Pahat itu, mana-mana tempat anggaran engkau hendak jadikan Bandar..."**

Kedudukan tempat yang hendak dijadikan Bandar adalah kira-kira 15 kilometer dari kuala sungai Batu Pahat, sebelah kanan tebing mudik sungai. Dato' Bentara Luar memilih kawasan ini kerana senang dan boleh merapatkan kapal-kapal besar yang dianggarkan dapat masuk kesungai dengan membina sebuah dermaga bagi kemudahan perdagangan laut. Sungguhpun kawasan yang hendak dijadikan Bandar rendah, sering ditenggelami air masin sewaktu air pasang besar dari laut, kira-kira 2 kilometer ke darat tanahnya tinggi berbukit dan subur bagi tanam-tanaman.

Dato' Bentara Luar membuat rumah kediamannya di Kampung Penggaram bertentangan dengan Tasek Kadri untuk membuat kerja membuka Bandar.

**"Pada 2hb. Disember 1893, fakir menjalankan pekerjaan ukur-mengukur dari jalan kebun kopi ke Gunung Penggaram sampai ke Sungai Penggaram. Di tepi Sungai Penggaram itu fakir jadikan sebuah rumah atap tempat duduk fakir. Fakir jalankan pekerjaan membuat jalan dalam itu. Fakir mulakan menjalankan membuat rumah, pejabat, polis mahkamah dan tambak menambak batu di jalan..."**

Kerja mengukur, merancang dan membangunkan pusat Bandar pentadbiran daerah telah berjalan lancar dengan bantuan kuat dua orang penghulu itu termasuk perbelanjaan yang dipungut dari orang tempatan dan juga bantuan kewangan dari Orang Kaya Bagan serta kewangan Dato' Bentara Luar sendiri.

Pembukaan rasminya telah dilakukan pada 1hb. Januari 1894 oleh Dato' Muhamad Salleh bin Perang sendiri yang dihadiri oleh Orang-orang Kaya, Penghulu-penghulu dan orang-orang kenamaan tempatan. Kemuncak majlis perasmian itu ialah istiadat menaikkan bendera negeri Johor di Bukit Penggaram yang sekarang menjadi tapak dan kawasan rumah kediaman Pegawai Daerah dan seterusnya bukit ity disebut orang Bukit Bendera hingga hari ini. Seterusnya selepas itu pegawai-pegawai tadbir pun disusun dan pejabat-pejabat kerajaan seperti mahkamah, polis, penjara, rumah sakit dan lain-lain juga diwujudkan satu demi satu. Perkembangannya berjalan dengan baik dan lancar dan dalam masa sebulan sahaja jumlah hasil kutipan telah mencapai \$ 1,500.00.

Pada 1hb. Disember 1894, diadakan satu majlis pengisytiharan menamakan bandar itu dengan nama Bandar Penggaram mengambil sempena nama Kampung Penggaram yang sedia ada di situ yang menjadi kampung kediaman Penghulu Rahmat.

Selain diwujudkan system pentadbiran moden dengan pegawai-pegawai tadbir yang tertentu menggantikan sistem tradisional, Batu Pahat mula berkembang maju di mana Dato' Muhamad Salleh bin Perang yang menjadi wakil Raja memerintah Batu Pahat, kemudiannya menjadi Pesuruhjaya Kerajaan, telah memainkan peranan yang amat aktif.

Orang-orang kampung telah digalakkan dan digesa membuka kebun untuk bercucuk tanam dan membuat parit tali air dan dalam masa yang sama pemodal-pemodal asing mula datang membuka kebun, ladang dan bermiaga di Batu Pahat. Kebolehan Dato' Bentara Luar berbahasa Cina merupakan faktor menyebabkan beliau pada umumnya disukai oleh orang Cina dan faktor yang membawa kepada kemajuan ekonomi dan harmoni di daerah ini.

Pentadbiran Batu Pahat di bawah pimpinan Dato' Bentara Luar berjalan lancar dan mengagumkan, ini dinyatakan oleh Ungku Sulaiman bin Daud, Pesuruhjaya Besar Johor (General Commisioner) dalam rangka lawatan tugasnya di Batu Pahat pada 21hb. hingga 24hb. Disember 1896.

Kemajuan ekonomi Batu Pahat dapat diukur berdasarkan pendapatan daerah yang didapati sepanjang tahun. Masa bandar ini dibangunkan dalam tahun 1893 pentadbiran daerah berjaya mengutip sejumlah \$ 15,000.00 sahaja tetapi dalam tahun 1910 pendapatan tahunan mencapai jumlah \$ 55,375.00.

Zaman Dato' Bentara Luar berakhir pada pertengahan tahun 1911 apabila Ungku Ahmad bin Ungku Muhamad Khalid dilantik menjadi Pesuruhjaya Kerajaan Batu Pahat menggantikan Dato' Bentara Luar. Batu Pahat mengalami zaman baru bila menjelma pula system pentadbiran yang seiringan dalam mana Pesuruhjaya Kerajaan Daerah berpadu dengan Penolong Penasihat berbangsa Inggeris untuk menjalankan pentadbiran.

Kini Batu Pahat terus membangun dan muncul sebagai salah satu daerah yang termaju di negeri Johor Darul Takzim dan mempunyai potensi yang besar untuk terus maju pada masa hadapan.



BENDERA PESURUHJAYA KERAJAAN BAGI BATU PAHAT

## LAMPIRAN B

### Lampiran B (ii): Tempat-Tempat Bersejarah Di Daerah Batu Pahat

#### 1. Perigi Batu Pahat

Perigi Batu Pahat ini asalnya disebut Perigi Siam. Ia dibuat oleh tentera Siam yang diketuai oleh Panglima Awi Di Chu untuk mendapatkan bekalan air minuman dalam tahun 1456 pada masa mereka datang hendak menyerang Melaka bagi kali yang kedua dalam zaman pemerintahan Sultan Mudzafar Shah. Baginda memerintah Melaka di antara tahun 1445-1458. Walau bagaimanapun kedatangan angkatan Siam itu gagal menawan Melaka. Perigi ini asalnya adalah daripada sebuah takungan air terjun daripada bukit yang dikorek dan didalamkan. Dari semenjak itu, orang-orang yang berulang-alik belayar yang mengambil air memanggilnya Batu Pahat.

#### 2. Bukit Inas

Satu kawasan perkampungan dipercayai yang tertua sekali di Batu Pahat yang wujud pada awal kurun yang ke enam belas telah dibuka dan diasaskan oleh Tun Mamat (Tun Ahmad), seorang pembesar kerajaan Melayu Melaka pada zaman pemerintahan Sultan Mahmud Shah. Setelah Melaka dicalahkan oleh Portugis dalam tahun 1511, Tun Mamat mengundurkan diri dan membuat tempat kediaman di kawasan ini. Salah satu makam yang bernisakan batu Acheh ini adalah dipercayai makam Tun Mamat. Keturunan dan zuriat Tun Mamat terus menetap di beberapa tempat di kawasan Simpang Kiri dan tempat-tempat lain khasnya di Batu Pahat hingga hari ini.

#### 3. Tanjung Labuh

Perkampungan Tanjung Labuh ini telah diteroka dan dibuka oleh Bagus bin Juma'at yang datang dari Simpang Kanan Batu Pahat kira-kira dalam tahun 1850-an. Sejak itu Tanjung Labuh mula terkenal dan penduduknya bertambah ramai. Seterusnya dalam tahun 1858 Bagus bin Juma'at telah dilantik menjadi Penghulu yang pertama bagi kampung ini. Dalam tahun 1870 Ahmad bin Abdul Majid seorang utusan Maharaja Abu Bakar Johor telah sampai untuk meninjau keadaan Tanjung Labuh dan mereka berpuas hati yang tempat ini ada harapan untuk berkembang maju. Sebuah Rumah Pasung (Balai Polis) telah dibina oleh Kerajaan Johor dalam tahun 1886 dan apabila Bandar Penggaram dibuka dalam tahun 1894 serta pentadbiran Batu Pahat disusun semula, maka Tanjung Labuh telah diiktiraf sebagai sebuah daerah dengan melantik Sulaiman bin Ali sebagai Pegawai Daerah yang pertama bagi kawasan Tanjung Labuh.

#### 4. Bukit Jeragan

Semasa Penghulu Pulau memerintah di Samping Kanan ada seorang jeragan kapal (Kapten) yang dijumpai terdampar hampir maut di Sungai Kundur (Sungai Batu Pahat) apabila kapalnya pecah dan karam di tengah laut. Apabila ia meninggal dunia mayatnya dikebumikan di bukit itu lalu bukit itu pun disebut orang Bukit Jeragan. Sebelum itu bukit ini disebut Bukit Pantai. Peristiwa ini berlaku kira-kira dalam tahun 1819. Selepas itu Bukit Jeragan ini menjadi tanah perkuburan orang ramai termasuklah kubur Penghulu Pulau iaitu penghulu yang pertama bagi kawasan Simpang Kanan, kubur Penghulu Musa dan kaum keluarga juga disemadikan di sini. Bukit Jeragan ini asalnya besar tetapi telah dipecahkan oleh Jepun pada zaman pemerintahannya di Malaya dan tinggallah kecil seperti yang ada sekarang.

#### 5. Kayu Tanda

Kayu Tanda yang terletak di tepi padang hadapan Majlis Daerah ini adalah Kayu

peringatan pembukaan Bandar Penggaram Batu Pahat pada tahun 1894. Kayu Tanda ini juga digunakan sebagai pengukur cahaya matahari untuk menentukan waktu gelincir cahaya bayangannya bagi menentukan masuk waktu sembahyang.

#### 6. Kampung Minyak Beku

Kampung Minyak Beku telah dibuka dan diidiami oleh Daeng Ahmad atau gelarannya Wak Minah dalam tahun 1811 atas perintah Dato' Temenggung Abdul Rahman Sri Maharaja Johor untuk membuka satu penempatan di pantai barat Johor. Di situ ada sebatang pokok keruing yang berminyak dan beku keadaannya lalu tempat itu dinamakan Minyak Beku. Daeng Ahmad ini yang

datang dari Tanah Bugis adalah keturunan Daeng Indera Perma yang berasal dari anak cucu Raja Chempa yang berkerajaan di Bukit Mor, Padang Muar. Beliau meninggal dunia kira-kira dalam tahun 1855 di laut dekat Pontian Besar dan dikebumikan di situ.

### **7. Tasek Kadri**

Pada masa dahulu terdapat sebuah tasek semulajadi di daerah Batu Pahat ini, Oleh kerana tanah berhampiran tasek ini adalah kepunyaan seorang Arab yang terkenal namanya Syed Abu Bakar Al-Kadri berasal dari Pontianak, Kalimantan, yang tinggal di tempat itu, maka Dato' Bentara Luar dan Penghulu Rahmat telah meletakkan nama tasek ini sebagai Tasek Kadri. Kemudian pada tahun 1934 tasek yang indah ini telah ditimbul dengan perintah Penolong Penasihat Kerajaan di Batu Pahat, iaitu seorang yang berbangsa Inggeris yang menjalankan pentadbiran di Bandar Penggaram ini.

### **8. Bukit Soga**


Semasa Batu Pahat baru dibuka, maka kawasan ini terdapat banyak rotan sega. Dengan ini maka ramai orang yang berulang-alik mencari rotan ini dan termasuk juga orang-orang Kampar yang datang ke sini untuk mengambilnya. Tapi dari kepelatan percakapan orang-orang Kampar ini, maka mereka telah menyebut rotan ini sebagai soga. Sempena dengan kepelatan ini maka bukit di mana banyak terdapat rotan ini telah disebut sebagai "Bukit Soga".

### **9. Bukit Cermai**

Merupakan kawasan perkuburan orang-orang Islam yang terawal di daerah ini. Sebab kawasan perkuburan ini dinamakan Bukit Cermai kerana mengambil sempena nama orang yang pertama dikebumikan di kawasan ini iaitu "Cik Mai". Tetapi sebelum kawasan ini dijadikan kawasan perkuburan dan dinamakan Bukit Cermai, orang-orang di sini mengenalinya sebagai "Bukit Basirah". Kawasan perkuburan yang terletak di Jalan Tanjung Labuh ini masih lagi mempunyai ruang untuk digunakan.

### **10. Tasek Merdeka**

Pada mulanya ia merupakan sebuah bukit yang dipanggil Bukit Memberus. Kemudian kerja-kerja mengambil batu dijalankan di sini untuk ditambak pada jalan-jalan baru. Setelah itu, iaitu antara tahun-tahun 1935-1936 sebuah Syarikat Jepun telah membuat lombong di sini untuk mengeluarkan bijih "boxide" dan nama bukit ini ditukar pula kepada Bukit Makmor. Bila kerja-kerja mengeluarkan bijih ini selesai maka kawasan ini telah menjadi sebuah tasek. Semasa Dato' Mohammad Eusof bin Abdul Rahman menjadi Pegawai Daerah Batu Pahat, beliau mengesyorkan supaya tasek ini dimajukan untuk dijadikan tempat berehat.



Stadium Batu Pahat tahun 1953

LAMPIRAN C

**Lampiran C (i) : Jumlah Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik dan Mukim**  
**Tahun 2000**

Daerah Pentadbiran / Mukim	Jumlah	Warganegara Malaysia ( <i>Malaysia citizens</i> )							Bukan Warga- negara Malaysia	
		Jumlah	Bumiputra			Cina	India	Lain- lain		
			Jumlah	Melayu	Bumi- putra lain					
<b>BATU PAHAT</b>	<b>336,509</b>	<b>328,050</b>	<b>216,575</b>	<b>213,853</b>	<b>2,722</b>	<b>105,480</b>	<b>5,525</b>	<b>470</b>	<b>8,459</b>	
Bagan	7,648	7,608	6,667	6,662	5	939	-	2	40	
Chah Bahru	6,016	5,397	2,878	2,877	1	1,799	684	36	619	
Kg Bahru	10,827	10,675	9,123	8,613	510	1,537	3	12	152	
Linau	14,988	14,430	9,975	9,957	18	4,402	39	14	558	
Lubok	6,959	6,938	6,205	6,198	7	713	-	20	21	
Minyak Beku	16,724	16,507	10,727	10,045	682	5,730	24	26	217	
Peserai	8,961	8,742	8,073	8,064	9	648	19	2	219	
Simpang Kanan	118,633	114,643	48,636	47,780	856	63,126	2,703	178	3,990	
Simpang Kiri	20,956	20,626	19,428	19,392	36	1,173	9	16	330	
Sri Gading	45,539	44,834	39,236	39,151	85	5,171	381	46	705	
Sri Medan	21,687	21,278	19,256	19,218	38	1,956	59	7	409	
Sungai Kluang	16,266	15,974	12,956	12,508	448	2,933	73	12	292	
Sungai Punggor	9,654	9,499	8,228	8,221	7	1,209	4	58	155	
Tg Semberong	31,651	30,899	15,187	15,167	20	14,144	1,527	41	752	

Maklumat lanjut boleh didapati daripada :

**Jabatan Perangkaan Malaysia**

**Parcel C, Blok C6**

**Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan**

**62514 Putrajaya, Malaysia**

Tel. : 03-88857000

Faks : 03-88889248

E-mel : jpbpo@stats.gov.my

Laman web : <http://www.statistics.gov.my>

LAMPIRAN C

**Lampiran C (ii) : Jumlah Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik, Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan dan Negeri, 2000**

Daerah Pentadbiran/ Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan	Jumlah	Warganegara Malaysia ( <i>Malaysia citizens</i> )						Bukan Warga- negara Malaysia			
		Jumlah	Bumiputra			Cina	India	Lain- lain			
			Jumlah	Melayu	Bumi- putra lain						
<b>BATU PAHAT</b>											
<b>MD Batu Pahat Barat</b>	<b>164,290</b>	<b>159,317</b>	<b>81,096</b>	<b>80,152</b>	<b>944</b>	<b>75,205</b>	<b>2,795</b>	<b>221</b>	<b>4,973</b>		
Bandar Penggaram	76,053	74,108	26,573	26,471	102	45,618	1,818	99	1,945		
Parit Raja	2,953	2,825	1,727	1,717	10	1,054	34	10	128		
Rengit	1,194	1,187	455	455	-	732	-	-	7		
Semerah +	516	511	219	219	-	291	-	1	5		
Senggarang	1,457	1,417	492	491	1	918	6	1	40		
Sri Gading	1,376	1,366	531	530	1	740	95	-	10		
Tongkang Pechah	3,604	3,475	1,432	1,426	6	2,026	17	-	129		
Kawasan selebih MD ( <i>Remainder of MD</i> )	77,137	74,428	49,667	48,843	824	23,826	825	110	2,709		
<b>MD Batu Pahat Timur</b>	<b>44,834</b>	<b>43,754</b>	<b>22,905</b>	<b>22,875</b>	<b>30</b>	<b>19,051</b>	<b>1,716</b>	<b>82</b>	<b>1,080</b>		
Air Hitam	4,245	4,119	2,303	2,299	4	1,753	62	1	126		
Kangkar Baru	1,806	1,767	230	230	-	1,473	63	1	39		
Lam Lee	501	499	-	-	-	459	39	1	2		
Parit Sulong	1,736	1,711	1,185	1,177	8	524	1	1	25		
Parit Yaani	422	421	125	125	-	285	11	-	1		
Sri Medan	1,125	1,104	438	438	-	647	18	1	21		
Yong Peng	5,041	4,945	1,006	1,003	3	3,826	105	8	96		
Kawasan selebih MD ( <i>Remainder of MD</i> )	29,958	29,188	17,618	17,603	15	10,084	1,417	69	770		

Maklumat lanjut boleh didapati daripada :

**Jabatan Perangkaan Malaysia**

**Parcel C, Blok C6**

**Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan**

**62514 Putrajaya, Malaysia**

Tel. : 03-88857000

Faks : 03-88889248

E-mel : [jpbo@stats.gov.my](mailto:jpbo@stats.gov.my)

Laman web : <http://www.statistics.gov.my>

LAMPIRAN C

Lampiran C (iii) : Jumlah Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik dan Jantina Dalam Daerah Batu Pahat Tahun 2000

**Jumlah penduduk mengikut kumpulan etnik, jantina, daerah pentadbiran dan negeri, Malaysia 2000**  
 (Total population by ethnic group, sex, administrative district and state, Malaysia, 2000)

Jantina dan Daerah Pentadbiran (sex and administrative district)	Jumlah (Total)	Warganegara Malaysia (Malaysian citizens)					Bukan Warganegara Malaysia (Non-Malaysian citizens)	
		Jumlah (Total)	Jumlah Bumiputera (Total Bumiputera)	Melayu (Malays)	Bumiputera lain (Other Bumiputera)	Cina (Chinese)	India (Indians)	Lain-lain (Others)
<b>JUMLAH (TOTAL) (Jumlah Seluruh Daerah)</b>	<b>2,740,625</b>	<b>2,590,095</b>	<b>1,478,177</b>	<b>1,442,101</b>	<b>36,076</b>	<b>916,704</b>	<b>179,876</b>	<b>15,338</b>
<b>Daerah Batu Pahat sahaja</b>	<b>353,129</b>	<b>342,697</b>	<b>218,903</b>	<b>215,108</b>	<b>3,795</b>	<b>117,205</b>	<b>5,959</b>	<b>630</b>
<b>LELAKI (MALE)</b>								
<b>Batu Pahat</b>	<b>179,104</b>	<b>172,122</b>	<b>108,662</b>	<b>107,048</b>	<b>1,814</b>	<b>59,853</b>	<b>3,057</b>	<b>350</b>
<b>PEREMPUAN (FEMALE)</b>								
<b>Batu Pahat</b>	<b>174,025</b>	<b>170,575</b>	<b>110,041</b>	<b>108,060</b>	<b>1,981</b>	<b>57,352</b>	<b>2,902</b>	<b>280</b>

(Banci 2000)

## LAMPIRAN C

### Lampiran C (iv) : Ringkasan Perangkaan Penting Bagi Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Dalam Daerah Batu Pahat Tahun 2000

	Majlis Perbandaran Batu Pahat
<b>SAIZ DAN KOMPOSISI PENDUDUK</b> (Population size and composition)	
Jumlah penduduk (Total population)	164,290
Komposisi kumpulan etnik warganegara Malaysia (%) : (Ethnic group composition of Malaysian citizens (%):	
Bumiputra	50.9
Cina (Chinese)	47.2
India (Indians)	1.8
Lain-lain (Others)	0.1
Kumpulan umur (%) / Age group (%) :	
0-14 tahun/years	30.5
15-64 tahun/years	64.1
65+ tahun/years	5.4
Nisbah jantina (Sex ratio)	102
JUMLAH ISI RUMAH (Total households)	36,217
JUMLAH TEMPAT KEDIAMAN (Total living quarters)	44,760

Maklumat lanjut boleh didapati daripada :

**Jabatan Perangkaan Malaysia**

Parcel C, Blok C6

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62514 Putrajaya, Malaysia

Tel. : 03-88857000

Faks : 03-88889248

E-mel : [jpbo@stats.gov.my](mailto:jpbo@stats.gov.my)

Laman web : <http://www.statistics.gov.my>

LAMPIRAN D

Maklumat Penduduk, Surau Dan Balairaya Dalam  
Daerah Batu Pahat

MUKIM	PENDUDUK	LELAKI	PEREMPUAN	MASJID	SURAU	BALAIRAYA
I. Lubok	4,822	1,435	3,387	5	25	6
II. Bagan	4,692	1,652	3,040	6	19	6
III. Peserai	7,048	2,821	4,227	5	13	5
IV. Simpang Kiri	18,207	8,368	9,839	26	51	27
V. Simpang Kanan	139,640	79,500	60,140	16	39	10
VI. Linau	19,712	9,160	10,522	13	18	12
VII. Tanjung Semberong	31,058	14,853	60,140	23	38	20
VIII. Sri Gading	39,979	16,930	23,049	27	82	14
IX. Minyak Beku	15,080	9,478	5,062	12	21	11
X. Kampung Bahru	8,003	2,939	5,064	9	43	10
XI. Sungai Punggor	7,175	1,910	5,625	10	32	12
XII. Sungai Kluang	20,963	13,365	7,598	9	52	11
XVII. Chaah Bahru	5,418	2,124	3,294	bilangan termasuk dalam Tg. Semberong		
XVIII. Sri Medan	13,571	4,552	9,019	25	41	11
JUMLAH	335,368 *	169,087	166,281	186	474	155

\* berdasarkan banci penduduk dan perumahan 2000

Cawangan Johor

Pengarah,

Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Johor

Blok B, Tingkat 8

Wisma Kerajaan Persekutuan

Jalan Air Molek, 80000 J.Bahru

Tel : 07-2244589 Faks: 07-2249972

E-mel: jpojoh@po.jaring.my

Maklumat lanjut boleh didapati daripada :

Jabatan Perangkaan Malaysia

Parcel C, Blok C6

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62514 Putrajaya, Malaysia

Tel. : 03-88857000 Faks : 03-88889248

E-mel : jpbpo@stats.gov.my Laman web : <http://www.statistics.gov.my>

## LAMPIRAN E

Lampiran E (i): Sejarah Pejabat Daerah Batu Pahat



**BANGUNAN TUNKU MAHKOTA IBRAHIM ISMAIL**

- **LOKASI :** JALAN BAKAU CHONDONG, BATU PAHAT
- **LUAS :** 4.55 EKAR
- **KERJA MULA :** 11 APRIL 1982
- **KERJA SIAP :** 13 MARCH 1985
- **TARIKH SERAH :** 21 SEPTEMBER 1985
- **KOS PROJEK :** RM 4,161,000.00



**GAMBAR PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN BAGI DAERAH BATU PAHAT PADA 1 JULAI 1911**

### **Keterangan Gambar diatas**

Y.M. UNGKU AHMAD BIN MOHD. KHALID - Pesuruhjaya Kerajaan Daerah Batu Pahat  
(duduk no. 8 dari sebelah kiri)

Y.M. UNGKU MANSUR BIN AHMAD - Hakim Daerah Batu Pahat  
(duduk no. 7 dari sebelah kiri)

PENGHULU RAHMAT BIN RAGAM, Simpang Kanan  
(duduk no. 12 dari sebelah kiri)

---

### **PROFAIL PEJABAT DAERAH BATU PAHAT**

Projek pembinaan semula pejabat-pejabat kerajaan Batu Pahat adalah cadangan bersama Kerajaan Persekutuan dan Negeri di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan Keempat. Satu kawasan seluas lebih kurang 4.55 ekar telah dihakaskan untuk pembinaan Kompleks Jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Kawasan tersebut terletak di Jalan Bukit Pasir/Bakau Condong dan difikirkan paling sesuai lagi strategik. Selain daripada memperbaiki keadaan bangunan pejabat-pejabat Kerajaan dari segi lokasi dan fizikal, rancangan ini dapat memberikan faedah dari segi penjimatan sewa pejabat serta memberikan kemudahan kepada orang-orang awam dalam urusan mereka dengan jabatan-jabatan Kerajaan.

Pada peringkat pertama sebuah bangunan tiga tingkat dicadangkan untuk menempatkan Pejabat Daerah dan Pejabat Tanah. Semua jabatan negeri peringkat daerah akan ditempatkan di bangunan menara yang dicadangkan dibina di bahagian belakang bangunan tersebut dan ini merupakan peringkat kedua pembinaan. Kerja-kerja menambak terpaksa dilakukan terlebih dahulu kerana tapak kawasan yang dipilih pada keseluruhannya adalah rendah dan mudah dinaiki air dengan paras antara empat hingga lima kaki di bawah paras jalanraya. Bayaran-bayaran ganti rugi juga perlu dibuat kepada tuan punya beberapa buah kedai dan tempat kediaman yang terpaksa dipindahkan untuk memulakan kerja-kerja menambak oleh pihak Jabatan Kerja Raya. Kerja-kerja yang tersebut diatas dan kerja-kerja infrastruktur yang lain seperti pembekalan api, air dan sebagainya telah diselaraskan supaya pembinaan di dalam kawasan kompleks tersebut dapat dibuat secara terkawal oleh Jawatankuasa Kerja Raya.

Dalam fasa pertama pembinaan Pejabat Daerah dan Tanah Batu Pahat kos menambak kawasan telah menelan belanja sebanyak RM 199,000.00 bersamaan dengan 49,232.64 elai padu tanah telah dikendalikan oleh pemborong Saujaya Sdn. Bhd. Kerja-kerja menambak bermula pada 11 April 1982 dan telah selesai pada 19 Februari 1983. Di fasa kedua, kerja-kerja pembinaan bangunan telah diselenggarakan oleh Kumpulan Yeoni Construction dimana tarikh pengambilan iaialah pada 14 September 1983.

Bangunan Pejabat Daerah dan Tanah seluas 3811 meter persegi ini telah siap pembinaannya pada 13 Mac 1985 dan telah diserahkan untuk kegunaan pada 21 September 1985. Harga projek pada keseluruhannya ialah RM 4,161,000.00 dimana sebanyak RM 3.02 juta adalah dari peruntukan Negeri dan bakinya sebanyak RM 1.14 juta adalah merupakan peruntukan Persekutuan.

Setelah kerja-kerja pemindahan dan penyusunan serta pembersihan dipersekitaran selesai dilakukan Pejabat Daerah lama yang terletak di kawasan pejabat-pejabat Negeri di Jalan Pejabat telah berpindah ke Tingkat satu bangunan baru dan menjalankan operasi sepenuhnya pada 1 Oktober 1985. Sementara itu Pejabat Tadbir Tanah Daerah Batu Pahat telah ditempatkan di tingkat bawah dan di tingkat satu bangunan mengikut pembahagian yang tertentu. Pihak Pentadbiran Pejabat Tanah telah mulakan operasinya dengan sepenuhnya pada minggu

kedua bulan Oktober 1985. Beberapa buah jabatan di bawah kelolaan Pejabat Daerah iaitu Pejabat Perpaduan Daerah, Pejabat RELA Daerah, Kemajuan Kampung Baru turut dipindahkan ke tingkat dua bangunan baru ini.

Kemudahan-kemudahan asas serta peralatan pejabat yang serba lengkap dapat dinikmati secara menyeluruh baik oleh kakitangan pejabat maupun orang-orang awam yang berurusan dengan pejabat ini. Selain daripada itu ruang pejabat yang luas telah disediakan dimana lanya dibahagikan mengikut bahagian-bahagian tertentu. Bilik-bilik yang berasingan untuk Pegawai Daerah serta Penolong Pegawai Daerah juga diperuntukkan bagi mengawasi supaya kegiatan pentadbiran berjalan dengan lancar dan teratur. Bilik sembahyang yang bersaingan serta tandas untuk kakitangan juga turut disediakan baagi keselesaan bersama. Sebuah Bilik Gerakan yang ditempatkan ditingkat dua telah diperlengkapkan dengan alat-alat seperti 'sliding board' bagi memudahkan pengendalian mesyuarat dan taklimat dari masa ke semasa.

Di bahagian luar kawasan pejabat telah disediakan tempat-tempat letak kereta dan motosikal yang khas untuk kemudahan kakitangan serta orang awam yang berurusan. Untuk mengeratkan lagi hubungan antara pekerja, tempat rekreasi juga disediakan seperti gelanggang sepak takraw dan sebagainya, khas bagi mereka yang berminat dalam bidang sukan.

Bangunan Pejabat Daerah dan Tanah lama pada masa ini telah diambilalih sepenuhnya oleh Pihak Majlis Daerah Batu Pahat Barat bagi menjalankan perkhidmatan dengan lebih licin dan berkesan.



**BANGUNAN  
TUNKU MAHKOTA IBRAHIM ISMAIL  
(TAHUN 1985)**

**BANGUNAN LAMA  
PEJABAT DAERAH BATU PAHAT  
(SEKARANG MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT)**

MENGIKUT PERANCANGAN BANGUNAN TUNKU MAHKOTA IBRAHIM ISMAIL MENEMPATKAN  
PEJABAT DAERAH BATU PAHAT DAN PEJABAT TANAH DAERAH BATU PAHAT

LAMPIRAN E

Lampiran E (ii): Fungsi Pejabat Daerah Batu Pahat

# **FUNGSI**

## **PEJABAT DAERAH BATU PAHAT**

- MERANCANG DAN MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK KECIL KERAJAAN SEPERTI PEMBINAAN JALAN TAR DAN BATU MERAH (UNTUK JALAN KAMPUNG), SURAU, BALAI RAYA, MASJID, PADANG PERMAINAN DAN LAIN-LAIN.
- MENGENDALIKAN MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN KESELAMATAN, KERJA BANJIR DAN LAIN-LAIN.
- MENGENDALIKAN MAJLIS-MAJLIS KERAIAN RASMI KERAJAAN SEPERTI HARI KEBANGSAAN, HARI KEPUTERAAN DYMM SULTAN JOHOR DAN DYMM YANG DIPERTUAN AGONG DAN LAIN-LAIN ACARA KERAIAN.

- MENGELOUARKAN PERMIT DAN MEMUNGUT CUKAI DAN MENGAWAL HIBURAN AWAM.
- MENGENDALIKAN RUMAH-RUMAH KERAJAAN, RUMAH-RUMAH MURAH DAN RUMAH-RUMAH PANGSA.
- MENGURUSKAN KERJA-KERJA PILIHANRAYA, BANCI PENDUDUK, PROGRAM PEMBANGUNAN RAKYAT TERMISKIN DAN LAIN-LAIN.
- MENERIMA ADUAN ORANG RAMAI MENGENAI SEMUA ASPEK PENTADBIRAN KERAJAAN DI DALAM DAERAH MELIPUTI PERKARA-PERKARA PEMBANGUNAN, KESELAMATAN DAN SOSIAL DAN BERUSAHA MENYELESAIKANNYA.

LAMPIRAN E

Lampiran E (iii): Objektif Pejabat Daerah Batu Pahat

# OBJEKTIF

## **4 OBJEKTIF PEJABAT DAERAH BATU PAHAT**

- 1. Menyelaras program dan projek pembangunan daerah di bawah Dasar Pembangunan Nasional agar ianya dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.**
- 2. Meningkatkan taraf hidup dan pendapatan penduduk tempatan melalui aktiviti-aktiviti pembangunan.**

3. Mewujudkan suatu suasana yang lebih aman dan harmoni di kalangan anggota masyarakat berbilang kaum ke arah kesejahteraan hidup dan kemakmuran negara.
4. Berusaha dengan giat bagi mempertingkatkan lagi mutu keupayaan pegawai/anggota supaya dapat memberikan perkhidmatan kepada rakyat dengan lebih berkesan.

LAMPIRAN E

Lampiran E (iv): Motto Pejabat Daerah Batu Pahat

**MOTTO**

**PEJABAT DAERAH BATU PAHAT**

BERKHIDMAT  
DENGAN IKHLAS

## LAMPIRAN E

Lampiran E (v): Strategi Pejabat Daerah Batu Pahat

# STRATEGI

## **6 Strategi Pejabat Daerah Batu Pahat**

- 1. Bertindak sebagai perancang utama.**
- 2. Penyelaras Pembangunan.**
- 3. Agen kepada perubahan.**
- 4. Penyambung lidah kerajaan.**
- 5. Pendokong Sistem Pentadbiran ke arah kecemerlangan, dan**
- 6. Mempelopori budaya kerja yang positif.**

FEB/MAC 2002

Catitan/چاہیتے

دوالجہ ۱۶۲۲



LAMPIRAN F

Kalendar Harian Masyarakat Jawa

AHAD	Sun	<b>24</b>	WAKTU SOLAT BAGI ZON I (TIMUR)	WAKTU SOLAT BAGI ZON II (TENGAH)	WAKTU SOLAT BAGI ZON III (BARAT)	LEGI / لکی (5)	<b>11</b>	احمد (5)										
ISNIN	Mon	<b>25</b>	PAHING / فاہینگ (9)		ZULHUJJAH	12	(4)											
SELASA	Tue	<b>26</b>	PON / فون (7)	ZULHUJJAH	13	(3)												
RABU	Wed	<b>27</b>	WAGE / واکی (4)	ZULHUJJAH	14	(7)												
KHAMIS	Thu	<b>28</b>	KLIWON / کلیوون (8)	ZULHUJJAH	15	(8)												
JUMAAT	Fri	<b>1</b>	LEGI / لکی (5)	ZULHUJJAH	16	جمعة (6)												
SABTU	Sat	<b>2</b>	PAHING / فاہینگ (9)	ZULHUJJAH	17	سبت (9)												
<b>FEB</b>		Zulhijjah	Subuh سمعک زوره	Subuh سمعک زوره	Portun Klung	Babi Parant مار سپرینت جنور	ZULHUJJAH	GENIUS جنس										
1	18	5.56	7.15	4.20	4.42	6.33	5.59	7.18	1.21	4.43	7.22	6.34	6.02	7.21	1.23	4.46	7.24	6.36
2	19	5.56	7.15	4.20	4.42	6.33	5.59	7.19	1.21	4.43	7.22	6.34	6.03	7.21	1.24	4.46	7.24	6.36
3	20	5.59	7.15	4.20	4.42	6.33	5.59	7.19	1.21	4.43	7.22	6.34	6.03	7.21	1.24	4.46	7.24	6.36
4	21	5.59	7.15	4.20	4.42	6.33	5.59	7.19	1.21	4.43	7.22	6.34	6.03	7.21	1.24	4.46	7.24	6.36
5	22	5.59	7.15	4.20	4.42	6.33	5.59	7.19	1.21	4.43	7.22	6.34	6.03	7.21	1.24	4.46	7.24	6.36
6	23	5.59	7.15	4.20	4.42	6.33	5.59	7.19	1.21	4.43	7.22	6.34	6.03	7.21	1.24	4.46	7.24	6.36
7	24	5.59	7.15	4.20	4.42	6.33	5.59	7.19	1.21	4.43	7.22	6.34	6.03	7.21	1.24	4.46	7.24	6.36
8	25	5.59	7.15	4.20	4.42	6.33	5.59	7.19	1.21	4.43	7.22	6.34	6.03	7.21	1.24	4.46	7.24	6.36
9	26	5.59	7.15	4.20	4.41	6.33	6.00	7.19	1.21	4.42	7.22	6.34	6.04	7.21	1.24	4.45	7.25	6.36
10	27	5.59	7.15	4.20	4.41	6.33	6.00	7.19	1.21	4.42	7.22	6.34	6.04	7.21	1.24	4.45	7.25	6.36
11	28	5.59	7.15	4.20	4.41	6.33	6.00	7.19	1.21	4.42	7.22	6.34	6.04	7.21	1.24	4.45	7.25	6.36
12	29	5.60	7.15	4.20	4.41	6.33	6.00	7.19	1.21	4.42	7.22	6.34	6.04	7.21	1.24	4.45	7.25	6.36
13	30	5.60	7.15	4.20	4.40	6.33	6.01	7.19	1.21	4.41	7.22	6.34	6.04	7.21	1.24	4.45	7.25	6.36
14	1	5.60	7.15	4.20	4.40	6.33	6.01	7.19	1.21	4.41	7.22	6.34	6.04	7.21	1.24	4.45	7.25	6.36
15	2	5.60	7.15	4.20	4.40	6.33	6.01	7.19	1.21	4.41	7.22	6.34	6.04	7.21	1.24	4.45	7.25	6.36
16	3	5.60	7.15	4.20	4.39	6.33	6.01	7.19	1.21	4.40	7.22	6.34	6.04	7.21	1.24	4.45	7.25	6.36
17	4	5.60	7.15	4.20	4.39	6.33	6.01	7.19	1.21	4.40	7.22	6.34	6.04	7.21	1.24	4.45	7.25	6.36
18	5	5.60	7.15	4.20	4.39	6.33	6.01	7.19	1.21	4.40	7.22	6.34	6.04	7.21	1.24	4.45	7.25	6.36
19	6	5.60	7.15	4.20	4.39	6.33	6.01	7.19	1.21	4.40	7.22	6.34	6.04	7.21	1.24	4.45	7.25	6.36
20	7	5.60	7.15	4.20	4.39	6.33	6.01	7.19	1.21	4.40	7.22	6.34	6.04	7.21	1.24	4.45	7.25	6.36
21	8	5.60	7.15	4.20	4.37	6.33	6.00	7.18	1.21	4.39	7.22	6.33	6.04	7.20	1.24	4.41	7.25	6.35
22	9	5.60	7.15	4.20	4.37	6.33	6.00	7.18	1.21	4.39	7.22	6.33	6.04	7.20	1.24	4.41	7.25	6.35
23	10	5.60	7.14	4.20	4.37	6.33	6.00	7.18	1.21	4.39	7.22	6.33	6.04	7.20	1.24	4.41	7.25	6.35
24	11	5.60	7.14	4.20	4.36	6.33	6.00	7.17	1.20	4.37	7.22	6.32	6.04	7.19	1.23	4.41	7.25	6.35
25	12	5.59	7.14	4.20	4.36	6.33	6.00	7.17	1.20	4.37	7.22	6.32	6.04	7.19	1.23	4.41	7.25	6.35
26	13	5.59	7.13	4.20	4.35	6.33	6.00	7.17	1.20	4.36	7.22	6.32	6.04	7.19	1.23	4.40	7.25	6.35
27	14	5.59	7.13	4.20	4.34	6.33	6.00	7.17	1.20	4.36	7.22	6.32	6.03	7.19	1.23	4.39	7.25	6.34
28	15	5.59	7.13	4.20	4.34	6.33	6.00	7.17	1.20	4.36	7.22	6.32	6.03	7.19	1.23	4.39	7.25	6.34

**FIRMAN ALLAH**

"Tadiyah mereka  
berjalan di muka bumi,  
supaya mereka  
mempunyai akal (untuk)  
memikirkan atau  
telinga (untuk)  
mendengarkan.  
Sesungguhnya  
mereka bukanlah  
buta mata, tetapi  
buta hati yang  
dalam dada."